

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR[ SILAM ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 39**

**Tuan Datuk Haji Datu Nasrun Bin Datu Mansur [ Silam ]  
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Malaysia  
dan Filipina mempunyai kerjasama dalam pemberian kuasa  
mengejar (Hot Pursuit), apakah intipati kerjasama dan  
siapakah yang bertanggungjawab melaksanakan tugas  
tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Malaysia dan Filipina tiada mempunyai kerjasama secara penuh antara kerajaan dengan kerajaan dalam pemberian kuasa kejar mengejar (hot pursuit). Walau bagaimanapun, terdapat kerjasama antara jabatan atau agensi dalam mengawal selia perairan negara khususnya Sabah dan Filipina. Contoh operasi Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM) dengan Philippine Navy yang dikenali sebagai MAPHIL, antara APMM dan Philippine Coast Guard yang diberi nama operasi (PHILMAL). Kerjasama ini tidak dilakukan secara berkala, meskipun demikian, hubungan antara agensi boleh dikatakan baik dalam penyeliaan berkaitan isu penguatkuasaan di perairan negara.

Sekian. Terima kasih.